



Shahril Sufian
Hamdan



Chan Kong
Choy



Ong Ka Chuan



Dr Mahathir
Mohamad

Tun M, Shahril, 2 bekas pemimpin MCA turut terima dana politik UKSB

BH-26/7/2022 m/s: 1

Oleh Faris Fuad

faris.fuad@bh.com.my

Shah Alam: Nama Tun Dr Mahathir Mohamad dan Ketua Penerangan UMNO, Shahril Sufian Hamdan serta dua bekas pemimpin kanan MCA, disebut dalam perbincangan kes rasuah Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi di Mahkamah Tinggi di sini semalam, sebagai penerima sumbangan dana politik yang dibuat

Ultra Kirana Sdn Bhd (UKSB).

Saksi yang juga bekas Pengerus Pentadbiran UKSB, David Tan Siong Sun, 47, memberitahu yang syarikat itu memberi dana RM1.3 juta kepada Dr Mahathir yang juga bekas Pengerusi BERSATU itu, menerusi dua transaksi pada Ogos dan September 2018, untuk kegunaan parti berkenaan.